

KALĀM ALLAH: TUMPUAN TERHADAP PENGHUJAHAN AL-QĀDĪ ‘ABD AL-JABBĀR¹

Oleh:
Mohd Radhi Ibrahim

Abstract

The aim of this article is to examine the polemic between Islamic Theologians regarding the speech of God, with special attention to al-Qādī ‘Abd al-Jabbār’s arguments.

Pendahuluan

Masalah berkenaan *kalām* Allah merupakan satu polemik yang paling menonjol dalam perkembangan pemikiran Islam. Ianya berdasarkan kepada implikasi yang berkaitan dengannya dari pelbagai aspek samada sejarah, kemasyarakatan ataupun politik.²

Umat Islam secara keseluruhannya sepakat menyatakan bahawa al-Qu’ran adalah *kalām* Allah. Namun demikian mereka bertelagah dalam menetapkan adakah al-Qur’ān *qadīm* atau *ḥādīth* dan adakah ianya *makhluq* ataupun *ghayr makhluq*.³

¹ Nama penuh beliau ialah ‘Abd al-Jabbār b. Aḥmad b. ‘Abd al-Jabbār b. Aḥmad b. al-Khalīl b. ‘Abd AlFātih. Beliau dilahirkan pada tahun 320 Hijrah di daerah Asadabadi yang terletak berhampiran dengan bandar Hamadhan di Iran. Beliau berpegang dengan mazhab Syafi’i pada perkara *furu’*.

² Ahmad Amīn, *Duhā al-Islām*, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, 1978, cet. ix, hlm. 35.

³ Peters J.R., *God’s Created Speech*, hlm. 1. E.J. Brill, Leiden, 1976.

Asas Permasalahan

Para Sahabat dan Tabi'in (r. 'a.) tidak membincangkan atau menetapkan adakah al-Qur'an itu *qadīm* atau *ḥādīth*. Mereka hanya menyatakan ianya adalah *kalām* Allah. Mereka beriman dengan apa yang dinyatakan di dalam al-Qur'an dan hadith tanpa sebarang persoalan dan takwil. Mereka juga tidak bertanya "bagaimana dan kenapa" kerana menganggap perbuatan tersebut adalah bid'ah.⁴

Menurut Muhammad Abū Zuhrah, pada zaman pemerintahan kerajaan Bani Umayyah, penganut Kristian yang diketuai oleh Yuhānā al-Dimasyqi mula menyebarkan keraguan di kalangan umat Islam berkaitan dengan *kalām* Allah.⁵ Mereka mengemukakan persoalan, "Adakah *kalām* Allah baharu (*ḥādīth*) atau kekal (*qadīm*)? Jika jawapan pertama dipilih bermakna Allah SWT tidak berkata-kata (*abkām*) sebelum menjadikan al-Qur'an. Manakala jika jawapan kedua diterima bermakna Isa 'a.s. adalah Tuhan kerana dia juga merupakan *kalām* Allah yang *qadīm*.⁶ Ini bermakna Isa 'a.s. adalah anak Tuhan.

Dalam suasana ini, muncullah sebahagian ulama' yang menyatakan *kalām* Allah adalah *ḥādīth* dan makhluk. Antara mereka ialah Ja'd bin al-Dirham (m.124H), Jahm b. Ṣafwān (m.128H) dan Wāṣil b. 'Atā' (m.131H). Ini kerana menurut mereka sifat *qadīm* hanya khusus untuk Allah SWT. Oleh itu sebarang percubaan untuk menetapkan sifat tersebut kepada selain Allah SWT adalah syirik. Akidah ini seterusnya menjadi pegangan golongan Mu'tazilah.⁷

Al-Ma'mūn

Polemik ini seterusnya menarik perhatian khalifah Abbasiyyah

⁴ Ibn Taymiyyah, *Majmū' al-Rasā'il al-Kubrā*, al-Qāhirah, 1966, iii, hlm. 20; Ahmad Amin, *Ibid*, iii. 37.

⁵ Lihat Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, Dār al-Fikr al-'Arabi, al-Qāhirah, t.t., hlm. 297.

⁶ Al-Qur'an, al-Nisā' (4): 171.

⁷ Watt, *The Formative Period of Islamic Thought*, hlm. 242, University Press, Edinburgh, 1973; Ja'far al-Subhani, *Buḥūth fi al-Milāl Wa al-Nihāl*, Mu'assasah al-Nasyr al-Islāmī, Qum, 1422H, ii, 254.

yang ke empat iaitu al-Ma'mūn (m.218H). Pada tahun 212 Hijrah, selepas diadakan perdebatan di kalangan ulama' mengenai *kalām* Allah, beliau mengisyiharkan bahawa akidah yang benar ialah al-Qur'an adalah makhluk dan *ḥādīth*. Beliau bagaimanapun memberikan kebebasan kepada masyarakat untuk menganuti mazhab yang mereka pilih.⁸

Namun demikian pada tahun 218 Hijrah, beliau telah mengeluarkan perintah supaya seluruh rakyat mengikuti mazhab *khalq al-Qur'ān* secara paksa (*qahr*).⁹ Para Fuqaha' dan Muḥādithin telah menerima akidah tersebut melainkan empat orang iaitu, Ahmad b. Ḥanbal (m.241H), Muḥammad b. Nūḥ (m.218H), al-Qawārī dan al-Sajjadah. Namun satu-satunya ulama' yang masih tetap dengan pegangan tersebut sehingga selepas kematian al-Ma'mūn ialah Ahmad b. Ḥanbal.¹⁰ Beliau dalam hal ini dengan tegasnya menafikan al-Qur'an sebagai makhluk.¹¹

Al-Mutawakkil

Pada zaman pemerintahan al-Mutawakkil (232-247H), mazhab *Ahl al-Ḥādīth* yang diketuai oleh Ahmad b. Ḥanbal telah mendapat sokongan padu dari khalifah. Kepercayaan bahawa al-Qur'an adalah *qādīm* dan bukan makhluk mula disebarluaskan dan mendapat tempat di kalangan masyarakat sehingga ke hari ini. Barangsiapa yang menyatakan selain dari akidah tersebut adalah kafir pengikut Jahmiyyah.¹²

⁸ Al-Tabārī, *Tārīkh al-Umām Wa al-Mulūk*, vii, Maktabah al-Ḥusayniyyah al-Miṣriyyah, al-Qāhirah, t.t. hlm. 197. Lihat juga M. Hinds, *Mihna*, *EI*, vii, hlm. 3.

⁹ Peristiwa ini dikenali sebagai "ujian" (*al-Miḥnah*), bermula pada tahun 218H dan berterusan sehingga tahun 232H, iaitu selepas kematian khalifah al-Wāthiq. Lihat al-Tabārī, *Tārīkh*, vii, hlm. 196.

¹⁰ Al-Quwairī dan al-Sajjadah menarik balik penentangan mereka, manakala Ibn Nūḥ pula meninggal sebelum kewafatan al-Ma'mūn. Lihat Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, hlm. 296.

¹¹ Ahmad b. Ḥanbal, *al-Radd 'Alā al-Zanādiqah wa al-Jahmiyyah*, Mansya'ah al-Ma'arif, Iskandariyyah, 1971, hlm. 75.

¹² Ahmad b. Ḥanbal, *Kitāb al-Sunnah*, hlm. 49; al-Khatīb, *Tārīkh al-Baghdād*, iii, Dār al-Kitāb al-'Arabi, Beirut, t.t. hlm. 285.

Ahmad b. Ḥanbal (m. 241H) setelah peristiwa tersebut berakhir, telah dianggap sebagai salah seorang tokoh yang unggul dalam mempertahankan akidah dan kepercayaan ulama' Salaf. Sementara itu golongan Mu'tazilah pula semakin tergugat kedudukan mereka kerana menggunakan kekerasan dalam menegakkan prinsip kepercayaan mereka. Tindakan mereka ini tanpa disedari telah mencacatkan konsep kebebasan (*al-hurriyyah*) yang sering mereka perjuangkan.¹³

Al-Qādī 'Abd al-Jabbār

Setelah 150 tahun berlalunya peristiwa *al-Miḥnah*, al-Qādī 'Abd al-Jabbār (m. 415H) tampil memperjuangkan pegangan Mu'tazilah mengenai *khalq al-Qur'ān*. Beliau dalam hal ini berpendapat, al-Qur'an *kalām* Allah dan wahyuNya. Ia adalah makhluk dan baharu (*hādith*), diturunkan oleh Allah SWT untuk Nabi Muhammad s.'a.w., sebagai bukti kenabiannya. Ianya juga merupakan panduan bagi kita dalam mengetahui perkara halal dan haram. Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan ke atas kita untuk bersyukur di atas nikmat dan anugerah Allah SWT tersebut. Menurut beliau lagi al-Qur'an atau *kalām* Allah ialah apa yang kita baca dan dengar setiap hari.¹⁴

Dalam membuktikan kebenaran pendapatnya 'Abd al-Jabbār mengemukakan argumentasi rasional, yang menafikan pandangan golongan al-Ḥanābilah. Menurut beliau, hakikat al-Qur'an yang terdiri dari huruf-huruf yang tersusun dan bahagian (*juzu'*) serta surah yang berbeza-beza adalah bukti jelas bahawa ianya adalah baharu dan makhluk. Ciri-ciri ini sememangnya menafikan sifat kekal (*qadīm*) dari al-Qur'an. Menurut beliau lagi, jika al-Qur'an yang mempunyai bahagian serta susunan tertentu adalah *qadīm* maka tidak salah untuk kita menyatakan bahawa manusia juga adalah *qadīm*. Namun perkara ini adalah mustahil kerana sesuatu

¹³ Tujuan dinyatakan peristiwa *al-Miḥnah* di sini ialah untuk memberikan satu gambaran umum tentang salah satu peristiwa penting dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam.

¹⁴ 'Abd al-Jabbār, *Syarḥ al-Ūṣūl al-Khamsah*, Maktabah Wahbah, al-Qāhirah, 1965/1384, hlm. 528

yang *qadīm* tidak harus mempunyai susunan, bahagian atau berlaku padanya sebarang perubahan. Oleh itu beliau menegaskan bahawa al-Qur'an adalah *ḥādīth* dan makhluk.¹⁵

Seterusnya beliau menyatakan bahawa al-Qur'an bukanlah *dhāt* Allah SWT, kerana ia mempunyai ciri-ciri yang mustahil bagi Allah SWT. Oleh kerana itu ianya juga adalah makhluk seperti mana ciptaan Allah SWT yang lain, kerana semua perkara selain Allah SWT adalah makhluk.¹⁶

Sehubungan dengan ini beliau menambah, sekiranya kita mengakui bahawa al-Qur'an adalah *qadīm* bermakna ianya serupa dengan Allah SWT, kerana *qadīm* merupakan sifat yang paling khusus bagi Allah SWT. Implikasi dari kenyataan ini ialah kita mengakui kewujudan Tuhan yang kedua iaitu al-Qur'an. Perkara ini adalah mustahil kerana ianya merupakan satu pensyirikan terhadap Allah SWT. Oleh yang demikian beliau menegaskan bahawa al-Qur'an adalah *ḥādīth* dan makhluk.¹⁷

Sebagai mengukuhkan hujahnya 'Abd al-Jabbār turut mengemukakan dalil al-Naql yang membuktikan pendapat beliau. Antaranya firman Allah SWT:

مَا يَأْتِيهِم مِّنْ ذِكْرٍ مِّنْ رَّبِّهِمْ مُّحَدِّثٌ إِلَّا أَسْتَعِنُهُ وَهُمْ يَلْعَبُونَ

Maksudnya:

"Tidak datang kepada mereka peringatan (al-Qur'an) yang baharu dari Tuhan mereka, melainkan mereka mendengar sambil mempermain-mainkan."¹⁸

Menurut beliau lagi setiap ciri-ciri berkaitan al-Qur'an yang

¹⁵ 'Abd al-Jabbār, *al-Mughnī*, al-Mu'assasah al-Misriyyah al-'Āmah, al-Qāhirah, 1965, vii, hlm. 84.

¹⁶ *Ibid.*, hlm. 85. Lihat juga Abū Zuhrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, ii, hlm. 302.

¹⁷ 'Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 549; *al-Mughnī*, vii, hlm. 86.

¹⁸ Al-Qur'an, Surah al-'Anbiyā' (21): 2. *Al-Zikr* dalam ayat tersebut adalah al-Qur'an, buktinya firman Allah SWT. [al-Hijr, 15: 9].

dinyatakan oleh Allah SWT seperti diturunkan,¹⁹ disusun,²⁰ dinasakhkan,²¹ disentuh²² dan sebagainya merupakan bukti jelas yang menunjukkan al-Qur'an adalah *ḥadīth*. Setiap ciri tersebut adalah mustahil bagi suatu *dhāt* yang *qadīm*.²³

Abū al-Hassan al-Ash'arī

Abū al-Hassan Al-Ash'arī (m. 324H), pelopor mazhab al-Ashā'irah, dalam hal ini sependapat dengan Ahmad b. Ḥanbal dalam menyatakan bahawa al-Qur'an adalah bukan makhluk (*ghayr makhlūq*).²⁴ Beliau telah mengemukakan beberapa hujah bagi membuktikan kebenaran pendapat tersebut.

Berdasarkan kepada firman Allah: *أَلَا لِهِ الْخُلُقُ وَالْأَمْرُ*²⁵ beliau berpendapat, perintah (*al-Amr*) dalam ayat tersebut merupakan *kalām* Allah, kerana Allah SWT memerintahkan sesuatu dengan *kalām*Nya. Oleh itu beliau berpendapat *kalām* Allah bukan makhluk kerana Allah SWT membezakannya daripada kejadian (*al-Khalq*) yang lain.²⁶

Seterusnya beliau menyatakan, sekiranya *kalām* Allah adalah makhluk, maka ini bermakna ianya tidak wujud sebelum dijadikan oleh Allah SWT. Implikasinya Allah SWT tidak berkata-kata (*ghayr mutakallim*) sebelum menjadikan kalamNya, malah Allah SWT akan bersifat dengan sifat yang bertentangan, iaitu bisu (*akhrās*) atau diam (*sukūt*), sepetimana manusia. Berdasarkan

¹⁹ Al-Qur'an, Surah al-'Anbiyā' (21): 50.

²⁰ Al-Qur'an, Surah Hūd (11): 1.

²¹ Al-Qur'an, Surah al-Baqarah (2): 106.

²² Al-Qur'an, Surah al-Wāqi'ah (56): 79.

²³ 'Abd al-Jabbār, *al-Mughnī*, vii, hlm. 87-89, *Uṣūl al-Khamṣah*, hlm. 531. Lihat juga Adnan Zarzur, *al-Hakim al-Jusyāmi*, Mu'assasah al-Risālah, Damsyiq 1391/1971, hlm. 183-184.

²⁴ Beliau juga berpendapat sesiapa yang menyatakan al-Qur'an sebagai makhluk adalah kafir. Lihat Ash'arī, *al-Ibānah*, Maktabah Dār al-Bayān, Riyāḍ 1413/1993, hlm. 47.

²⁵ Al-Qur'an, Surah al-A'rāf (7): 54 bermaksud: "Ingatlah! kepunyaan Allah (SWT) hak ciptaan dan segala urusan."

²⁶ Al-Ash'arī, *al-'Ibānah*, hlm. 72.

hujah-hujah tersebut beliau menegaskan bahawa al-Qur'an adalah bukan makhluk dan tidak baharu sebagaimana yang didakwa oleh golongan Mu'tazilah.²⁷

Sementara itu golongan Ashā'irah seperti al-Baghdādī (m. 329H), cuba untuk mencari titik temu dalam hal ini. Oleh itu beliau berpendapat, *kalām* Allah yang *qadīm* ialah *kalām al-Nafsi* tanpa suara dan juga huruf, iaitu yang bersama dengan *dhāt*. Sementara itu al-Qur'an yang kita baca dan pegang adalah *ḥādīth* (baharu) kerana ianya hanyalah penzahiran dari *kalām al-Nafsi* yang *qadīm*.

Polemik

'Abd al-Jabbār dalam usaha menolak hujah-hujah yang dikemukakan oleh al-Ash'āri menyatakan, perkataan al-Amr pada firman Allah: ﴿اَلَا لِهِ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ﴾ tidak semestinya bermakna *kalām* Allah, sebagaimana didakwa oleh al-Ash'āri.²⁸ Ini kerana kaitan (*qarīnah*) ayat tersebut tidak menunjukkan demikian. Buktinya firman Allah SWT:

إِنْ رَبَّكُمْ أَلَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سَتَةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى
عَلَى الْعَرْشِ يَغْشِي اللَّيلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حِينًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ
وَالنَّجُومَ مَسْخِراتٍ بِأَمْرِهِ ۖ إِنَّا لِهِ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ.

Bermaksud:

“Sesungguhnya Tuhanmu adalah Allah SWT, yang menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas ‘arasy. Dia tutupkan

²⁷ Al-Ash'āri, *al-Lumā'*, Matba'ah al-Miṣriyyah, al-Qāhirah, 1955; hlm. 36, al-Syahristāni, *Nihāyah al-Iqdām*, ed. Alfred Guillaume, London, 1934, hlm. 168.

²⁸ Lihat umpamanya 'Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 544-545.

malam kepada siang yang mengiringinya dengan segera. Dia ciptakan matahari, bulan dan bintang-bintang yang tunduk di bawah perintahNya. Ingatlah kepunyaan Allah hak ciptaan dan setiap urusan Maha Suci Allah SWT Tuhan semesta alam... ”²⁹

Menurut ‘Abd al-Jabbār, berpandukan kepada kaitan keseluruhan ayat tersebut, ianya menunjukkan bahawa pengertian *al-Amr* pada ayat tersebut ialah “Pentadbiran (*al-Tadbir*)” dan bukan *kalām* Allah. Ini bermakna, maksud firman Allah: ﷺ ﴿هُوَ الْخَلِقُ وَالْأَمْرُ﴾ ialah, “Allah SWT yang menjadikan alam ini dan mentadbirnya” dengan peraturan (*nizām*) yang ditetapkan, tanpa dicampuri urusanNya oleh yang lain, melainkan setelah keizinanNya, buktinya، يَدِيرُ الْأَمْرَ مَا مِنْ شَفِيعٍ لِّمَنْ بَعْدَ إِذْنِهِ یہ بخوبی ترجمہ کرو۔ bermaksud ‘Dialah yang mengatur setiap urusan, tiada seorang pun yang memberi bantuan melainkan sesudah keizinanNya’.³⁰

Berdasarkan penjelasan ini ‘Abd al-Jabbār menegaskan bahawa ayat tersebut bukanlah merupakan bukti dalam menafikan al-Qur'an adalah makhluk, sebaliknya ianya merupakan bukti terhadap kekuasaan Allah SWT dalam menjadikan alam ini dan mentadbirnya secara mutlak. Tambahan pula Allah SWT ada berfirman menyatakan bahawa ruh adalah daripada urusanNya (*Amr Rabbī*), buktinya ﷺ ﴿قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي﴾ 31 bermaksud, “Katakanlah (wahai Muhammad) sesungguhnya ruh adalah dari urusan Tuhanmu.” Maka adakah al-Ash'arī mengharuskan bagi orang Islam untuk menyatakan bahawa ruh adalah *qadīm* dan bukan makhluk, sebagaimana dakwaannya terhadap al-Qur'an?³²

Seterusnya ‘Abd al-Jabbār menjelaskan bahawa, walaupun Allah SWT tidak berkata-kata (*ghayr mutakallim*) sejak azali lagi, namun ianya tidak bermakna Allah SWT bersifat dengan sifat yang bertentangan seperti bisu (*akhras*) dan sebagainya. Ini kerana

²⁹ Al-Qur'an, Surah al-A'rāf (7): 54.

³⁰ Al-Qur'an, Surah Yūnus (10): 3. Lihat umpamanya ‘Abd al-Jabbār, *al-Mughnī*, vii, hlm. 177.

³¹ Al-Qur'an, Surah al-Isrā' (17): 85.

³² ‘Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamṣah*, hlm. 545. Lihat juga Ja'far al-Subḥānī, *al-Buḥūth*, ii, hlm. 265.

kalām adalah sifat perbuatan Allah (*Sifāt al-Afāl*),³³ seperti Yang Mencipta (*al-Khāliq*), dan bukannya *Sifāt al-Dhāt* bagi Allah SWT. Oleh itu beliau menegaskan, sebagaimana Allah SWT tidak mencipta alam ini sejak azali lagi, dan ini tidak bererti Allah SWT lemah, demikianlah juga dengan *kalām* Allah. Walaupun Allah SWT tidak berkata-kata (*ghayr mutakallim*) sejak azali, namun ini tidak bermakna Allah SWT bisu (*akhras*).³⁴

Menurut beliau lagi cara manusia dan Allah SWT berkata-kata (*takallama*) adalah berbeza. Ini kerana manusia berkata-kata dengan menggunakan alat tertentu, namun perkara ini adalah sama sekali tidak harus (*lā yajūz*) bagi Allah SWT, kerana Allah Maha Kaya (*al-Ghanīy*) dan Suci dari memerlukan kepada apa-apa alat atau sebarang keperluan. Oleh itu beliau menegaskan bahawa perbandingan (*qiyās*) yang dibuat oleh al-Ash'ari di antara Allah SWT dengan manusia dalam hal ini adalah tidak tepat.³⁵

'Abd al-Jabbār selanjutnya menolak pendapat golongan Ashā'irah yang menyatakan bahawa *kalām* Allah yang *qadīm* ialah apa yang berdiri dengan *dhāt*Nya, yang dikenali sebagai *kalām al-Nafs*, tidak mempunyai huruf begitu juga tanpa suara (*laisa bi sautin walā ḥarfin*).³⁶ Manakala al-Qur'an yang kita baca dan sentuh hanyalah penzahiran *kalām* Allah di dalam bahasa Arab, sepertimana Taurat dalam bahasa 'Ibrani dan Injil dalam bahasa Siryani. Kesemua kitab-kitab suci ini menurut mereka bukan *kalām* Allah yang sebenar, namun ianya hanyalah semata-mata penzahiran *kalām* tersebut yang bersifat baharu (*ḥādīth*).³⁷

Sehubungan dengan itu 'Abd al-Jabbār berpendapat, al-Qur'an yang kita baca dan dengar ialah *kalām* yang sebenar dan bukan

³³ 'Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 554. Lihat juga Zuhdi, *al-Mu'tazilah*, Matba'ah Misr, al-Qāhirah, 1366/1947, hlm. 77; Harun Nasution, *Teologi Islam*, Penerbit Universitas Indonesia, Jakarta 1986, hlm. 143.

³⁴ 'Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 557.

³⁵ 'Abd al-Jabbār, *al-Mughnī*, vii, hlm. 163, *Uṣūl al-Khamsah*, hlm. 556.

³⁶ Al-Ghazālī, *Qawā'id al-'Aqā'id*, 'Ālam al-Kutub, Beirut, 1405/1985, hlm. 182.

³⁷ Al-Baghdādī, *Uṣūl al-Dīn*, Matba'ah al-Dawlah, Istanbul, 1928, hlm. 108. Lihat juga Ahmad Amin, *Duhā al-Islām*, iii, hlm. 43.

semata-mata penzahiran. Sebagai buktinya beliau mengemukakan firman Allah (s.w.t.) surah al-Taubah (9): 6:

وَلَنْ أَحْدَدْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ إِسْتِجْارَكَ فَأَجْرُهُ حَقٌّ يَسْمَعُ كَلَامَ اللَّهِ.

Bermaksud:

“Jika seseorang dari golongan musyrikin meminta perlindungan daripada kamu, maka hendaklah kamu melindunginya sehingga dia mendengar kalam Allah SWT”

Menurut beliau tidak ada *kalām* Allah di sisi umat Islam selain daripada al-Qur'an yang kita baca dan dengar itu. Oleh itu *kalām* Allah yang sebenar adalah al-Qur'an,³⁸ dan bukannya *kalām al-Nafs* di sisi Allah SWT, sebagaimana yang didakwa oleh golongan Ashā'irah. Oleh itu beliau menegaskan bahawa *kalām* Allah iaitu al-Qur'an adalah makhluk dan *ḥadīth*.³⁹

Berdasarkan kepada hujah-hujah dan penjelasan-penjelasan yang dikemukakan ternyata 'Abd al-Jabbār dalam membincangkan mengenai masalah *kalām* Allah, menampilkkan pendapat yang agak berbeza dari apa yang dikemukakan oleh golongan Ashā'irah mahupun Ḥanābilah.

Penutup

Kesimpulannya, fenomena ini biarpun mengundang perbezaan pendapat yang ketara, namun ia ternyata banyak dipengaruhi oleh haluan politik semasa. Adalah menjadi satu kesedihan apabila ianya dijadikan sebagai arena untuk mengkafir (*al-Takfir*) umat Islam yang bersaudara.

Setelah diakui bahawa para sahabat dan ulama' Salaf tidak memperbahaskan masalah ini secara terperinci, jauh sekali mengkafirkan saudara sesama Islam, maka pendirian mereka sewajarnya menjadi ikutan demi mengelakkan kita dari terjerumus ke dalam perangkap golongan musuh-musuh Islam yang sentiasa ingin memecah-belahkan kita semua.

³⁸ 'Abd al-Jabbār, *al-Mughnī*, vii, hlm. 16.

³⁹ 'Abd al-Jabbār, *Uṣūl al-Khamsah*, op. cit.